



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN MEDIA

JAWATANKUASA PERTIKAIAN SUKAN

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sentiasa dan akan terus mengambil inisiatif dalam menambah baik tatakelola badan sukan supaya lebih telus, berintegriti dan professional. Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] adalah suatu Akta bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan dan pentadbiran sukan di Malaysia serta menyediakan mekanisme bagi memperkemaskan struktur pengurusan sukan tanah air.
2. Penubuhan Jawatankuasa Pertikaian Sukan (JPS) diperuntukkan di bawah seksyen 27, Akta 576 bagi mendengar dan menyelesaikan pertikaian yang dirujuk oleh mana-mana anggota sesuatu badan sukan atau badan sukan itu sendiri di bawah seksyen 24, Akta 576.
3. JPS adalah suatu jawatankuasa bebas yang bertanggungjawab untuk mendengar dan menyelesaikan pertikaian yang dirujuk kepadanya apabila sesuatu pertikaian badan sukan tidak dapat diselesaikan di peringkat dalaman **menggunakan Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Tatacara Dalaman Bagi Penyelesaian Pertikaian Dalam Badan Sukan) 2022**. Sehubungan itu, Kementerian telah menggubal Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Jawatankuasa Pertikaian Sukan) 2022 bermatlamat untuk memperkasakan badan sukan dalam mengurus dan menyelesaikan pertikaian dalaman badan sukan, termasuklah atlet dengan telus, adil dan

pantas tanpa sebarang campur tangan dari pihak Kerajaan, atau KBS, terutamanya penglibatan Menteri.

4. Ini bermaksud Menteri tidak terlibat langsung dalam apa-apa prosiding mengenai pertikaian dalaman badan sukan. Menteri hanya terlibat sebagai platform rayuan, sekiranya pihak yang bertelagah tidak berpuas hati dengan keputusan JPS.

5. Tugas dan tanggungjawab JPS adalah seperti berikut:

- i. mendengar dan memberi pandangan terhadap isu-isu berkaitan pertikaian dalaman badan sukan yang dirujuk kepadanya;
- ii. menyelesaikan aduan-aduan pertikaian yang dirujuk oleh mana-mana anggota sesuatu badan sukan atau badan sukan;
- iii. mengenal pasti dan mengesyorkan langkah-langkah dan tindakan bagi menyelesaikan pertikaian dalam badan sukan;
- iv. mengesyorkan suatu keputusan yang muktamad setelah mendengar aduan-aduan pertikaian yang dibentangkan sepanjang sesi pendengaran berlangsung; dan
- v. mengeluarkan suatu keputusan secara bertulis kepada kedua-dua pihak yang bertikai.

6. Selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 28(1) Akta 576, JPS akan dipengerusikan oleh **seorang Pengerusi** dan dianggotai oleh **empat (4) orang ahli** yang dilantik oleh Menteri. Pelantikan JPS telah dilaksanakan berdasarkan kepada kriteria seperti berikut:

- i. mempunyai pengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang sukan;
- ii. bersifat neutral dan tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam isu dan pertikaian dalam bidang sukan; dan

- iii. mampu memberikan pandangan terhadap sebarang isu yang dirujuk oleh pemohon.
7. Keahlian JPS terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang sukan dan undang-undang seperti berikut:
- i. YBhg. Datuk Low Beng Choo, Setiausaha Agung Konfederasi Besbol-Sofbol Sedunia dan Presiden Sofbol Asia sebagai Pengerusi;
 - ii. Ahli-ahli JPS terdiri daripada:-
 - a. YBhg. Dato' Amarjit Singh Gill, Ahli Lembaga Pengurusan Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) dan Naib Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF);
 - b. YBrs. Prof. Dr. Jady @ Zaidi bin Hassim, Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pengkhususan dalam Undang-Undang dan Tadbir Urus Sukan;
 - c. YBhg. Prof. Dato' Dr. Shamala a/p K Subramaniam, Profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM), Presiden Persatuan Memperkasakan Politik Sukan, Pendidikan, Komunikasi dan Teknologi Sukan Malaysia (RESPECT) dan mantan Timbalan Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC); dan
 - d. YBrs. Cik Sharon Wee Ee Lin, bekas pemain skuasy Negara, Naib Presiden Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM) dan Timbalan Chef de Mission Sukan SEA Cambodia 2023.

8. Permohonan rujukan pertikaian hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa di alamat berikut:

Setiausaha

Jawatankuasa Pertikaian Sukan

Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Aras 2, Gimnasium 3

Kuala Lumpur Sport City

57000, KUALA LUMPUR.

9. Penubuhan dan pelantikan JPS ini akan dapat membantu menyelesaikan mana-mana pertikaian badan sukan secara telus dan profesional. KBS komited dalam memastikan isu-isu pertikaian badan sukan yang tidak dapat diselesaikan dipermudahkan demi pembangunan sukan Negara.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
3 JULAI 2023**